ڤتيقن تيته

*PETIKAN TITAH*

**"KETIKA sedang belajar khasnya, janganlah sekali-kali mendedahkan diri kepada perkara-perkara yang merugikan yang tidak ada kaitnya dengan ilmu dan pendidikan. Awasilah semua anasir perosak yang sentiasa berkeliaran di sana sini."**
**- Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di United Kingdom dan Northern Ireland dan Penganugerahan Biasiswa 'Chancellor's Scholar' Universiti Brunei Darussalam, Sesi 2014/ 2015, London, United Kingdom.**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Pelita* **BRUNEI**

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu Wata'ala). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksanya."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah ayat 2).

TAHUN 60 / BILANGAN 5 | 12 JANUARI 2015 / 21 ربيع الأول 1436 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA




# Istiadat Perkahwinan Diraja 5 - 15 April

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Januari. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka satu Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat I, Jabatan Adat Istiadat Negara di ibu negara.

Baginda juga telah memperkenankan, insyaaAllah bagi Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja dimulakan dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang akan berlangsung pada hari Ahad, 15 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan dengan 5 April 2015 Masihi dan Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Majlis Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga akan diadakan pada hari Rabu, 25 Jamadilakhir 1436H bersamaan dengan 15 April 2015M.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja pula akan dilangsungkan pada hari Ahad, 22 Jamadilakhir 1436H bersamaan dengan 12 April 2015M.

Upacara Istiadat Perkahwinan Diraja ini akan berlangsung selama 11 hari.

**Ke muka 24**

# Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Malaysia ditubuhkan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan satu tabung bantuan kemanusiaan yang dikenali sebagai Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Malaysia (TKBBM).

Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), manakala ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Penubuhan jawatankuasa tabung ini bertujuan untuk mengumpulkan derma atau sedekah seangkat-angkat hati daripada semua rakyat dan penduduk di negara ini bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir di Malaysia.

Sehubungan itu, satu mesyuarat Jawatankuasa Khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kebangsaan TKBBM diadakan pada hari ini, bertempat di KKBS yang bertujuan untuk membincangkan segala urusan yang berkaitan dengan usaha mengumpulkan derma daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad.

Yang Mulia Datin Paduka dalam ucapannya pada mesyuarat tersebut berkata, pada 16 Disember 2014, Kelantan telah dilanda teruk oleh bencana banjir yang melanda beberapa kawasan seperti Gua Musang, Kerai, Machang serta Tanah Merah dan banjir selanjutnya juga telah merebak ke negeri-negeri lain termasuk Pahang, Perak, Perlis, Johor dan Sabah.

**Ke muka 24**



**Muka 3**

RASULULLAH contoh zahid, tawaduk



**Muka 4**

DOA Kesyukuran ulang tahun penubuhan AMBD ke-4

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**

**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi pada hari Jumaat, 12 Rabiulawal 1436H bersamaan 2 Januari 2015M.

***INILAH di antara tujuan besar Sistem Wajib Ugama diadakan. Kita mahu, biar anak-anak kita itu benar-benar kenal serta memahami apa itu dosa dan pahala. Nanti, apabila mereka sudah cukup kenal dan faham, maka insyaaAllah, inilah asasnya anak-anak itu akan jadi anak-anak yang soleh, yang suka kepada amal soleh dan ibadat.***

# Gandakan penerangan dan dakwah berkaitan amal soleh

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana kita di negara ini dapat pula bersama-sama menyambut Maulidirrasul, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, yang sudah barang tentunya akan membawa kepada keberkatan bagi kita dan negara.

Menyambut Maulidirrasul merupakan tradisi yang terus menerus berkembang di sepanjang zaman. Ia dilakukan sebagai mengenang, siapa Baginda itu, seorang Nabi dan Rasul dan penyelamat kepada dunia dan umat manusia.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menyifatkan Baginda sebagai rahmat bagi seluruh alam, sama ada alam itu terdiri daripada manusia atau haiwan atau flora dan fauna atau makhluk yang tidak kelihatan atau tumbuh-tumbuhan, semuanya itu sama-sama mendapat rahmat dengan kelahiran Baginda ke alam maya ini.

Sebagai tanda kita bersyukur kepada Allah di atas kurnia-Nya mendatangkan rahmat, maka sewajarnyalah rahmat itu kita tatang, kita hormati dan cintai dengan sepenuh jiwa dan raga kita. Caranya, bukanlah dengan mendewa-dewakannya atau mendirikan lambang-lambang kenangan bersyukur sejati ialah dengan mengikut segala sunnah yang diajarkan oleh pembawa rahmat ini. Kita juga dituntut untuk mencintai Baginda, dan salah satu tanda mudah mencintai itu, ialah dengan membanyakkan selawat ke atas Baginda. Selawat ini sungguhpun mudah, tetapi ganjarannya adalah lumayan. Sekali sahaja berselawat, Allah akan membalas dengan sepuluh rahmat.

Namun dalam zaman serba sibuk ini, walaupun sesuatu amal soleh itu mudah sahaja untuk dibuat, seperti berselawat tetapi sangat senang pula ia dicicirkan disebabkan oleh kesibukan-kesibukan yang membungkus manusia. Tegasnya, manusia hari ini sudah kurang tertarik dengan pahala, berbanding dengan keseronokan dunia. Apa-apa yang berkilauan di mata itulah yang diutamakan sedang janji akhirat yang belum nampak, tidak dapat mengusik hati mereka.

Beta berharap, di saat-saat penuh berkat memperingati Maulidirrasul ini, kesedaran umat Islam hendaknya akan lebih kuat dan bertambah untuk mengamalkan suruhan-suruhan ugama, dari yang wajib sampai kepada yang sunat.

Hanya dengan cara ini sahaja kita akan dapat mengumpul bekalan untuk akhirat kita. Lagi banyak kita beramal, lagi besar harapan untuk kita dapat menjawat ganjarannya di akhirat kelak.

Ugama telah pun memberitahu, bahawa pahala bagi amal soleh itu adalah hebat-hebat belaka. Bukan sahaja amalan wajib, malah amalan sunat juga tidak kurang hebatnya. Misalnya, cuma kerana dua rakaat Sembahyang Sunat Subuh sahaja pun, pahalanya adalah lebih baik dari dunia dan segala isi di dalamnya, betapa dengan fardunya?

Beta menyeru kepada pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan supaya menggandakan lagi penerangan dan dakwah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan amal soleh ini. Khasnya di kalangan guru-guru ugama, ambillah peluang bagi menghidupkan semangat suka beramal kepada kanak-kanak, kerana di peringkat ini, naluri mendengar dan menerima itu adalah cukup terbuka, sekali dua sahaja menyebutnya akan terus rakat atau melekat.

Inilah di antara tujuan besar Sistem Wajib Ugama diadakan. Kita mahu, biar anak-anak kita itu benar-benar kenal serta memahami apa itu dosa dan pahala. Nanti, apabila mereka sudah cukup kenal dan faham, maka insyaAllah, inilah asasnya anak-anak itu akan jadi anak-anak yang soleh, yang suka kepada amal soleh dan ibadat.

Mereka ini akan jadi generasi penerus yang baik. Jika kita tidak menyiapkan mereka dari sekarang, masa depan Brunei akan mengalami kesukaran, berdasarkan, zaman adalah semakin rosak, akan lebih pantas untuk membawa kita ke jurang kerosakan.

Menyebut tentang zaman rosak ini, menjadikan kita amat diperlukan untuk berhati-hati. Kerana virus kerosakan itu bukanlah mudah untuk dikawal. Ia boleh menjangkiti apa saja. Ia boleh mencemari pegangan berugama, mencemari pendidikan, mencemari budaya dan lain-lain.

Hari ini kita masih senang tanpa gangguan tetapi esok-esok siapa tahu gangguan itu datang dari anasir-anasir yang tidak diundang?

Anasir-anasir yang tidak diundang itu boleh saja terdiri daripada makhluk bernyawa, dan malah, boleh juga berupa ledakan-ledakan pemikiran atau ideologi atau aliran yang tidak senada dengan Brunei.

Ini semua mustahak diperinci daripada sekarang, dan apa-apa persediaan yang perlu untuk menghadapinya.

Pada hemat beta, persediaan satu-satunya yang paling mustahak ialah dengan memastikan dasar dan tidak menyimpang konsep Melayu Islam Beraja.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

12 JANUARI 2015 BERSAMAAN 1436 ربيع الأول 21

### KE ARAH SISTEM PENGANGKUTAN DARAT YANG EFISIEN DAN SELAMAT

**KEBERKESANAN** pengangkutan darat adalah penting bagi pembangunan dan kesejahteraan negara. Sejarah awal menunjukkan pengangkutan darat mula digunakan seawal tamadun manusia. Walau bagaimanapun perkembangannya dikatakan perlahan dan melibatkan kos yang amat mahal. Ini mula berubah disebabkan oleh Industrial Revolution (Revolusi Perindustrian) pada Abad Ke-19 disebabkan oleh terciptanya beberapa reka cipta yang inovatif dan kreatif.

Bercakap mengenai sejarah pengangkutan, mari kita lihat lebih dekat akan perkembangan pengangkutan darat di Negara Brunei Darussalam.

Sejarah pengangkutan darat di Negara Brunei Darussalam bermula pada tahun 1907 dengan pembinaan laluan pejalan kaki pertama di antara Residency dan Bandar Brunei di Jalan Subok. Pada tahun 1914, satu skim perintis diperkenalkan melibatkan pembinaan jalan 60 batu panjang dibina dari Bandar Brunei hingga ke Kuala Belait. Dan buat pertama kalinya pada tahun 1926, sebanyak 21 unit kenderaan telah didaftarkan.

Terus memberi penekanan akan urus tadbir yang lebih efisien terhadap pengangkutan darat, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ditubuhkan pada 1 Januari 1962. Tanggungjawab berkaitan hal pengangkutan darat sebelum jabatan ini ditubuhkan adalah di bawah tanggungjawab Pasukan Polis Brunei.

Di hari yang serba moden dan masa bergerak dengan pantas, kemudahan penggunaan pengangkutan darat adalah amat penting dalam kelangsungan aktiviti harian. Justeru, demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya, pelbagai program dan projek dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ini termasuk pelancaran Kertas Putih Pengangkutan Darat pada bulan Disember 2014 yang selaras dengan Wawasan 2035 dan visi Kementerian Perhubungan iaitu 'Masyarakat Bijak dan Cemerlang Dalam Komunikasi Menjelang 2017'. Kertas Putih berkenaan mengenal pasti rangka polisi pengangkutan, strategi, kemudahan, infrastruktur dan perkhidmatan yang diperlukan bagi jangka masa panjang sistem pengangkutan darat hingga tahun 2035.

Selain itu, baru-baru ini satu buku panduan bertajuk 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' juga turut dilancarkan.

Kepentingan keselamatan pengguna jalan raya dan pengangkutan darat terus ditekankan. Ini terbukti dengan pelancaran buku panduan 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam', satu inisiatif dan usaha Kementerian Perhubungan melalui JPD dengan usaha sama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR). Ia adalah untuk mencapai aspirasi negara ke arah mewujudkan satu sistem pengangkutan darat yang selamat dan efisien.

Buku tersebut mempunyai 23 bab dan mengandungi pelbagai maklumat seperti garis pandu, etika memandu selamat dan berhemah ketika memandu. Buku juga mengandungi proses-proses permohonan dan membaharui lesen memandu dan kenderaan serta maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal memandu dan ciri-ciri keselamatan kenderaan.

Dengan adanya pelbagai program dan projek yang dirancang serta dilaksanakan, tinggal saja lagi sikap kita sebagai pengguna jalan raya agar kita sentiasa mematuhi undang-undang jalan raya dan selalu bersikap berhemah sesama pengguna jalan raya. Ini amat penting dalam sama-sama berusaha ke arah penggunaan jalan raya yang efisien dan selamat. **- Ketua Penyuntingan (Ss).**




SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin
Mohammad Arif Matali,
Hajah Sujimawati Mejari

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nurul Qaidah Ahmad,
Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Abdullah Asgar,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Rasulullah contoh zahid, tawaduk

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Januari.- Tidak akan berterusan kejayaan seseorang itu menerusi perang dan siasah jika seseorang itu tetap bersikap angkuh, bongkak dan besar diri.



**PENCERAMAH undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ali Hassan bin Mohd Said ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Meraih Kecintaan Allah 'Azza Wajalla'.**

Sifat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh yang sentiasa zahid dan tawaduk sejak permulaan hidupnya hinggalah akhir hayatnya.

Perkara tersebut antara yang disentuh oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ali Hassan bin Mohd Said ketika berceramah yang bertajuk 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Meraih Kecintaan Allah 'Azza Wajalla' pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Ahli Psikologi telah mengkaji kesan membaca Al-Qur'an terhadap pesakitnya selama tiga tahun itu katanya, pesakit itu tidak beragama Islam dan tidak pandai bahasa Arab yang mengalami masalah tekanan dan kemurungan dan pesakit itu disuruh menyebut empat huruf Jawi berulang kali iaitu Alif, Lam, Lam, Ha (Allah).

Menurutnya, hasil kesan kajian sebutan huruf Al-Qur'an telah memberi kesan lega terhadap pesakitnya yang mengalami masalah tekanan dan kemurungan.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa hadir pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.**

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diteruskan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam bagi meraikan salah seorang kakitangan Kementerian Kesihatan yang telah memeluk agama Islam iaitu Dayang Masni binti Biju berserta keluarga berbangsa Dusun dan memilih nama Islamnya, Dayang Nur Asni binti Muhd Isa.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Timbalan Setiausaha Tetap, Dayang Dr. Hajah Rahmah binti Haji Mohd Said; Pegawai Tugas-Tugas Kanan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, ketua pengarah dan pengarah-pengarah dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

# Majlis sambutan Maulud kenang jasa-jasa Rasulullah

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Januari. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus diadakan di negara ini bagi sama-sama menyemarakkan dan meraih ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajarnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Penubuhan UNISSA Ke-8.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Auditorium UNISSA itu ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tersebut diisikan dengan Forum Maulud Nabi bertemakan 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh ahli-ahli panel terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi UNISSA iaitu Awang Haji Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, Dayang Widad binti Haji Abd Aziz dan Awang Muhammad Yadiy bin Mat Yassin, selaku Moderator.

Forum antaranya menyentuh mengenai bagaimana cara untuk umat Islam mengambil teladan daripada Nabi Junjungan Besar kita, di samping mengetengahkan cara Rasulullah mendidik para sahabat sehingga mereka mampu menjadi manusia terhebat dalam sejarah iaitu antara faktor tarbiah Rasulullah itu ialah dengan mempunyai akhlak yang terpuji yang menjadi ikutan para sahabat selain menyampaikan ilmu dengan ikhlas dan jelas tanpa ada yang tersembunyi.



**REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Penubuhan UNISSA Ke-8.**



**AHLI panel terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi UNISSA ketika menghuraikan hujah pada sesi Forum Maulud Nabi.**

Majlis juga diselajurkan dengan pelancaran Sistem Pengurusan Universiti (UMS) UNISSA, yang mana sebelum ini proses-proses pengurusan universiti telah dibuat dengan gabungan sistem komputer dan secara manual.

Dengan adanya UMS ini, semua proses-proses utama telah disediakan dalam satu sistem bersepadu dan antara objektif UMS adalah meningkatkan mutu pentadbiran dan pengurusan akademik, meningkatkan mutu produktiviti dan efisiensi warga UNISSA termasuk pelajar dan mampu meningkatkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

UMS menyediakan kemudahan bagi proses-proses kemasukan, pemilihan permohonan, pendaftaran, kedatangan dan pemarkahan peperiksaan selain menyediakan kemudahan bagi setiap pelajar melihat rekod akademik mereka secara *online*.

Dalam usaha membangun sistem berkenaan, UNISSA telah bekerjasama dengan sebuah syarikat tempatan iaitu Cyberunai eServices.

Majlis bertujuan untuk memupuk semangat warga UNISSA untuk menunjukkan rasa kasih sayang terhadap jasa-jasa Baginda serta membesarkan sejarah keputeraan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan memperingati penubuhan UNISSA serta memohon keberkatan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

UNISSA merupakan sebuah 'Universiti Islam Tulen' bertaraf antarabangsa yang menawarkan pelbagai program merentasi disiplin ilmu berteraskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Penubuhannya pada awal tahun 2007, membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memartabatkan Islam melalui pendidikan di bumi bertuah ini serta pembangunan ummah secara umumnya.

# Doa Kesyukuran ulang tahun penubuhan AMBD ke-4

Oleh : Aimi Saini
Foto :
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD semasa hadir menyertai Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di Masjid Ash-Shaliheen. Juga hadir Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 9 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Keempat penubuhannya.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD.

Acara bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil beramai-ramai.

Majlis kemudian diteruskan dengan doa kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Mohd. Aslenan bin Haji Metussin.

AMBD ditubuhkan pada 1 Januari 2011 dengan matlamat utama untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan negara sentiasa terpelihara.

Selain itu, AMBD juga berfungsi sebagai sebuah bank pusat bagi Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

# Tegur anak cara positif




PENCERAMAH undangan, Pensyarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle dan Ketua Jurulatih ABS Holding Sendirian Berhad, Dayang Nurhidayah binti Jaafar menyampaikan pendapat mereka pada forum ini.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 8 Januari. - Pendidikan anak dalam Islam merupakan salah satu kewajiban kedua-dua ibu bapa dalam membina keluarga.

Pengenalan ilmu agama kepada anak memang harus ditanamkan sejak kecil sehingga pemahaman yang benar mengenai Islam akan terbentuk.

Mendidik dan memberi contoh teladan yang baik kepada anak memang bukan hal yang mudah. Ibu bapa harus sentiasa mengungkapkan kata-kata positif dan menegur anak dengan cara baik bukan dengan kata-kata yang negatif.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Forum Khas mengenai Rasulullah sebagai Motivator atau Pendorong sempena Karnival Belia Cintai Rasul, bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dua penceramah undangan, iaitu Pensyarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle dan Ketua Jurulatih ABS Holding Sendirian Berhad, Dayang Nurhidayah binti Jaafar telah diundang pada forum tersebut.

Antara perkara yang turut disentuh termasuklah keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan teladan unggul sepanjang zaman.

Keperibadian Rasulullah dalam segala aspek harus dicontohi, iaitu sebagai anak, bapa, suami, sahabat, pendakwah, guru, peniaga, panglima perang, pentadbir dan banyak lagi.

Karnival Belia Cintai Rasul yang berlangsung selama lima hari bermula pada 7 hingga 11 Januari itu dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kelab Jalinan Akrab Belia Terunggul (JABaT).



ANTARA yang hadir mendengarkan Forum Khas sempena Karnival Belia Cintai Rasul di Stadium Tertutup Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

# Karnival Belia Cinta Rasul mendapat sambutan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ANTARA persembahan Tausyeh pada Majlis Pentas Dakwah sempena Karnival Belia Cinta Rasul 1436 Hijrah di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

**BERAKAS**, Jumaat, 9 Januari. - Aktiviti-aktiviti Karnival Belia Cinta Rasul 1436 Hijrah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus giat mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Majlis Pentas Dakwah pada Karnival Belia Cinta Rasul 1436 Hijrah itu berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Persembahan nasyid, tausyeh, lagu-lagu dakwah dan puisi yang berunsurkan nasihat dan pengajaran dibawakan oleh artis tempatan seperti Rafiz Majid, Kumpulan Firqah Arroja dan Kumpulan Putera Seni menyerikan majlis.

Karnival Belia Cinta Rasul 1436 Hijrah yang diadakan bermula 7 hingga 11 Januari 2015 itu merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kelab JABat, Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Sepanjang karnival tersebut turut diserikan dengan beberapa aktiviti seperti Peraduan Membaca Jawi, Pertandingan Pidato, Ceramah dan sebagainya.



SALAH seorang peserta karnival membacakan Puisi Islam.

Karnival itu juga sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Menerusi aktiviti tersebut bukan sahaja untuk berzikir malah menunjukkan cara hidup manusia dan keislaman mereka.

# Prosedur baru permohonan kemajuan tanah dan bangunan diperkenalkan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Januari. - Bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Tahun 2014 Ke-21, Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk memudahkan Ease of Doing Business (EODB) terutama sekali dari segi Dealing with Construction Permit, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) serta Divisyen Pihak Berkuasa (Autoriti) Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) akan memperkenalkan reformasi proses dan prosedur baru bagi permohonan kemajuan tanah dan bangunan.

Proses dan prosedur baru bagi permohonan kemajuan tanah dan bangunan akan melibatkan proses bagi mendapatkan kebenaran perancangan dari JPBD dan kebenaran kemajuan dari ABCi bermula pada 1 Februari 2015.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Shahrom bin Haji Suhaimi yang juga selaku Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa pada Taklimat Reformasi Proses Permohonan Kemajuan Tanah dan Bangunan, bertempat di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan, di sini.

Menurut beliau, antara objektif bagi perubahan-perubahan yang diperkenalkan ini antara lain adalah bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan jabatan kepada orang ramai terutama sekali dari segi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) memproses permohonan kemajuan tanah dan bangunan selain mendukung serta membantu usaha kerajaan dalam menaikkan kedudukan negara di dalam EODB.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengemas kini tugas dan peranan JPBD dan ABCi masing-masing dalam memproses permohonan bagi mengelakkan pertindihan tugas atau duplikasi serta kekeliruan orang ramai khususnya pemohon termasuk pemilik tanah, pemaju, arkitek, jurutera profesional dan pelukis pelan.

Awang Shahrom seterusnya menambah bahawa di dalam reformasi proses ini, JPBD hanya akan menfokuskan kepada parameter perancangan sahaja, manakala ABCi akan menumpukan aspek-aspek teknikal, keperluan infrastruktur dan keselamatan bangunan semasa memproses permohonan kemajuan bangunan dan tanah.

"Tujuan utama taklimat serta dialog ini diadakan adalah bagi memberikan penerangan dan kefahaman yang jelas mengenai reformasi prosedur dan proses baru kepada semua Penjalan Amalan atau Practitioners - arkitek, jurutera profesional dan pelukis pelan - yang berdaftar di Kementerian Pembangunan," ujarnya.

Beliau seterusnya menambah bahawa semua usaha ini adalah dihasratkan untuk mempercepatkan proses-proses permohonan kemajuan perumahan dan juga kemajuan bangunan / kerja tanah, namun kitani semua harus juga memberikan perhatian kepada kualiti lukisan yang dihadapkan dan keperluan-keperluan teknikal pihak berkuasa.

Dalam memproses permohonan-permohonan yang dihadapkan sebelum ini terangnya, pihak berkuasa sering berhadapan dengan permohonan-permohonan serta lukisan-lukisan pelan, di mana keperluan-keperluan asas dalam lukisan pelan diabaikan oleh pemohon sehingga menyukarkan pegawai-pegawai dalam meneliti serta mempertimbangkan permohonan yang boleh melambatkan lagi proses permohonan kerana memerlukan pelan-pelan untuk dipinda berulang-ulang.



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Shahrom bin Haji Suhaimi yang juga selaku Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa ketika menyampaikan ucapan pada Taklimat Reformasi Proses Permohonan Kemajuan Tanah dan Bangunan di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan.**

Awang Shahrom turut menasihatkan semua Penjalan Amalan sentiasa peka dan patuh kepada peraturan, garis panduan dan Piawaian Brunei Darussalam PBD12:2014 agar dapat memudahkan dan melicinkan lagi pihak berkuasa dalam memproses permohonan-permohonan kemajuan.

Dalam hal ini katanya, peranan Penjalan Amalan bukan saja dalam menyediakan permohonan-permohonan serta lukisan-lukisan, bahkan juga berperanan dalam menyampaikan nasihat kepada klien mengenai apa yang boleh dipohonkan dan apa yang dikira melanggar peraturan.

Sekiranya terdapat kewahaman mengenai perkara ini tambahnya, Penjalan Amalan adalah dinasihatkan untuk berbincang dengan pegawai-pegawai pihak berkuasa bagi mendapatkan keterangan serta penjelasan lanjut.

# Prosedur baru mantapkan perkhidmatan proses permohonan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Januari. - Dalam usaha memantapkan perkhidmatan jabatan kepada orang ramai terutama sekali dari segi memendekkan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) memproses permohonan kemajuan tanah dan bangunan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) serta Divisyen Pihak Berkuasa (Autoriti) Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) akan memperkenalkan reformasi proses dan prosedur baru bagi permohonan kemajuan tanah dan bangunan.

Ia juga adalah untuk membantu pihak kerajaan dalam mencapai hasrat untuk menaikkan kedudukan (*ranking*) Negara Brunei Darussalam di dalam 'Ease Of Doing Business'.

Sehubungan itu, satu Taklimat Reformasi Proses Permohonan Kemajuan Tanah dan Bangunan telah diadakan di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Shahrom bin Haji Suhaimi juga selaku Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa.

Taklimat turut dihadiri oleh wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam proses permohonan kemajuan serta akitek, jurutera profesional dan pelukis pelan yang berdaftar di Kementerian Pembangunan.

Taklimat mengenai proses dan prosedur untuk mendapatkan Kebenaran Perancangan telah disampaikan oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan, Dayang Hajah Zainab binti Haji Yusop, sementara taklimat mengenai proses dan prosedur untuk mendapatkan Kebenaran Kemajuan disampaikan oleh Arkitek Kerja dari Divisyen ABCi, Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Sarbiah binti Haji Burut.

Menurut Dayang Hajah Zainab, beberapa perubahan telah pun dikenalkan untuk mendapatkan Kebenaran Perancangan, yang mana antaranya ialah pemohon dikehendaki menghadapkan permohonan untuk mendapatkan Kebenaran Perancangan dengan mengisikan borang Kebenaran Perancangan sahaja yang menjadikan ia satu peringkat prosedur sahaja.

Selain itu jelasnya, bagi mengenal pasti jenis-jenis permohonan kemajuan yang boleh dihadapkan terus ke Divisyen ABCi tanpa perlu mendapatkan Kebenaran Perancangan terlebih dahulu ialah ubah suai unit kedai; ubah suai dan tambahan kediaman dan kerja-kerja tanah.

Perubahan ini juga adalah untuk memperkemaskinikan tugas dan peranan masing-masing di antara JPBD dan ABCi dalam memproses permohonan kemajuan tanah dan bangunan bagi mengelakkan duplikasi dan kekeliruan pada orang ramai khususnya pemohon termasuk pemilik tanah, pemaju,



**PEGAWAI Perancang Bandar dan Desa Kanan, Dayang Hajah Zainab binti Haji Yusop. menyampaikan taklimat proses dan prosedurmendapatkan Kebenaran Perancangan.**

penjalan amalan (*practitioner*) dan pelukis pelan.

Dalam hal ini, JPBD akan lebih fokus kepada parameter perancangan sahaja, sementara Divisyen ABCi menumpukan kepada aspek teknikal termasuk keperluan infrastruktur dan keselamatan bangunan.

Taklimat ini diharapkan dapat memberi penerangan yang jelas tentang perubahan yang dikenalkan dan dalam hal ini kerjasama pemohon, khususnya Penjalan Amalan dan pelukis pelan adalah sangat-sangat diharapkan.

Di samping itu, semua Penjalan Amalan dan pelukis pelan adalah diseru supaya sentiasa peka dan patuh kepada peraturan, garis panduan dan Piawai Brunei Darussalam PBD12:2014 agar dapat melicinkan lagi pihak berkuasa memproses permohonan-permohonan mereka.




**TAKLIMAT Reformasi Proses Permohonan Kemajuan Tanah dan Bangunan diadakan di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan.**

# Berselawat penghapus dosa



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan kuliahnya di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**MADANG / MANGGIS,** Jumaat, 9 Januari. - Berselawat satu perkara biasa, lumrah, ringan dan sudah sedia diketahui oleh umat Islam di mana-mana sahaja di seluruh dunia.

Tetapi rasa-rasanya kita beramal dengannya adalah tidak seimbang dengan apa yang kita tahu mengenainya.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned mengungkapkan perkara tersebut pada ceramah Kuliah Subuh Bersama Mufti di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Mufti Kerajaan menjelaskan, kita tahu ia perkara bagus, perkara sangat menguntungkan dan sangat besar pahalanya jika dibuat, tetapi orang tidak atau kurang membuatnya atau cuma membuatnya pada masa-masa, tempat-tempat dan majlis-majlis tertentu sahaja dan selain itu orang lalai atau tidak teringat untuk membuatnya.

Menurut Yang Berhormat, selawat itu ringan sahaja dan mudah untuk dibuat, tetapi hati tidak teringat dan lidah tidak tersebut sedangkan pahalanya sangat besar dan hebat.

Orang yang berselawat itu jelasnya, bukan sahaja berdoa, tetapi juga didoakan, iaitu sebagaimana diriwayatkan oleh Ibnu al-Mulaqqan, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: "Barangsiapa yang berselawat ke atasku, nescaya para Malaikat adalah berselawat ke atasnya. Barangsiapa yang para Malaikat berselawat ke atasnya, nescaya Allah adalah berselawat ke atasnya. Barangsiapa yang para Malaikat berselawat ke atasnya, nescaya Allah adalah berselawat ke atasnya. Barangsiapa yang Allah berselawat ke atasnya, nescaya tidak tinggal sesuatu pun dari yang ada di dalam tujuh petala langit dan tujuh lapisan bumi serta tujuh lautan dan segala pohon-pohon, tumbuh-tumbuhan, burung-burung, binting-binatang buas dan binatang-binatang ternakan, melainkan sekaliannya itu adalah berselawat ke atasnya."

Yang Berhormat menegaskan, selawat adalah teman yang baik, pakaian yang bagus dan perisai yang kukuh, mengapakah ia tidak diambil mengapakah ia tidak dipakai?

"Kalau calang-calang teman, atau ada teman, tetapi teman tidak mendorong kepada kebajikan maka daripada teman seperti ini, lebih baiklah berteman dengan selawat. Selawat tidak pernah menghampakan pengucap-pengucapnya. Lebih banyak diucapkan lebih banyak pula manfaat yang didapat lebih banyak hajat dicapai, itulah selawat," tegasnya.

Yang Berhormat seterusnya menceritakan satu riwayat daripada sahabat Jabir Radhiallahu anhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda (maksudnya), "Barangsiapa berselawat ke atas ku tiap-tiap hari 100 kali, Allah akan tunaikan baginya 100 hajat, 70 hajat di akhirat dan 30 lagi hajat di dunia."

"Itu adalah hajat di akhirat, sementara hajat di dunia pula boleh minta sampai 30 macam hajat. InsyaaAllah, Allah akan beri. Hanya dengan 100 kali sahaja berselawat pada tiap-tiap hari, Allah akan tunai 100 hajat, 70 hajat di akhirat dan 30 lagi hajat di dunia, betapa tingginya dan istimewanya kedudukan orang-orang yang berselawat itu," tegasnya.

Tambahnya lagi, ini adalah janji khusus kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, janji keberuntungan yang tidak berlaku kepada orang lain dari kalangan manusia melainkan kepada umat Islam semata-mata.

Oleh hal yang demikian, Yang Berhormat menyeru supaya kita merebut dan meraih keuntungan daripada berselawat itu, sementara kita boleh membuatnya sementara ada umur dan kesihatan.

"Jangan lepaskan kesempatan ini, berselawatlah! Jadikan ia mainan di bibir dan basahkan lidah dengannya," tegas Yang Berhormat.

Ini kerana, selawat menurut Yang Berhormat, adalah satu pendekatan taubat kepada Allah atau satu bentuk doa memohon keampunan dan ia adalah satu bentuk zikir atau doa yang sangat mujarab untuk menghapus dosa.

Justeru itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa tanggapan yang mengatakan 'tidak mengapa jika tidak berselawat kerana ia cuma sunat sahaja' adalah boleh mengelirukan sampai orang mungkin tidak melakukannya langsung.

Kuliah Subuh Bersama Mufti dikelolakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bersempena dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya akan diadakan lagi pada 16 Januari di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.

***YANG Berhormat seterusnya menceritakan satu riwayat daripada sahabat Jabir Radhiallahu anhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda (maksudnya), "Barangsiapa berselawat ke atas ku tiap-tiap hari 100 kali, Allah akan tunaikan baginya 100 hajat, 70 hajat di akhirat dan 30 lagi hajat di dunia."***

# Usaha bendung gejala sosial diteruskan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 8 Januari. - Gejala sosial dalam kalangan masyarakat terutama bangsa Melayu dan Islam di Negara Brunei Darussalam telah banyak sekali diperkatakan.

Berbagai-bagai isu seperti sumbang mahram, penyalahgunaan dadah, jenayah curi dan rompak, pembuangan anak, keganasan rumah tangga dan sebagainya telah meningkat.

Sehubungan dengan itu, untuk mendidik masyarakat tentang masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat dan mencari pemecah masalah bagi membendung masalah sosial dari berleluasa, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) dengan kelolaan Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menganjurkan Seminar Masalah Sosial yang akan berlangsung selama dua hari pada 14 hingga 15 Januari 2015, bertempat di Hotel Centrepoint, Gadong.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha / Ketua Urus Setia MTMIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong pada satu Sidang Media, bertempat di Bilik Mesyuarat APB, UBD, di sini.

Menurutnya, ledakan teknologi maklumat yang dihasilkan oleh proses globalisasi telah membawa kemudahan bersamanya, namun pada masa yang sama ia juga memberikan cabaran yang hebat.

"Banyak pengguna yang telah menjadi mangsa atas nama kecanggihan teknologi. Di akhir-akhir ini pelbagai lagi gejala-gejala sosial baru timbul terhasil dari media-media baru seperti jenayah siber, penyelewengan akidah, pencerobohan identiti, penipuan, rogol dan gangguan seksual, penyebaran fitnah dan sebagainya," tambah Dr. Awang Haji Muhammad Hadi.

Hal ini katanya, adalah sangat membimbangkan kerana jika perkara ini tidak ditangani dengan baik ianya akan mengancam keharmonian negara dan mengancam kestabilan bangsa sehingga boleh menjejaskan penghayatan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Oleh itu, usaha-usaha bagi menangani gejala sosial ini, ujarnya, perlu dilakukan.

Sementara itu, Pengarah APB, Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, selaku Pengerusi Bersama berkata, antara objektif seminar yang bertemakan 'Masyarakat Harmoni Negara Sejahtera' itu adalah bagi membincangkan faktor-faktor punca berlakunya masalah sosial dalam kalangan masyarakat, selain menyediakan platform bagi membincangkan masalah-masalah sosial yang dihadapi, di samping menghadapkan cadangan bagi mencegah, menangani dan merungkaikan masalah-masalah sosial.



SETIAUSAHA/ Ketua Urus Setia MTMIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Pengarah Akademi Pengajian Brunei (APB), Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah selaku Pengerusi Bersama Seminar Masalah Sosial menjelaskan lebih lanjut mengenai seminar tersebut.

Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim seterusnya menambah sebanyak 17 kertas kerja akan dibentangkan pada seminar tersebut yang dijangka dihadiri oleh seramai 300 orang peserta terdiri daripada para akademik, cendekiawan, pensyarah-pensyarah, guru-guru, pemimpin-pemimpin, institusi kerajaan dan bukan kerajaan, persatuan, remaja, belia dan masyarakat umum keseluruhannya.

Seminar tersebut, jelasnya, dijangka akan dirasmikan oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman pada 14 Januari 2015.

Profesor Madya Dr. Ampuan Haji Brahim berharap seminar ini akan dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan para peserta dalam usaha menangani serta mengatasi gejala sosial di Negara Brunei Darussalam sebagai usaha untuk memantapkan penghayatan MIB.

# Amalkan cara hidup penuh disiplin



SETIAUSAHA Tetap KHEDN, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan hadiah kepada Rekrut Terbaik Keseluruhan 50898 Mohammad Rusydi bin Rosli di Majlis Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-152 yang berlangsung di Padang Kawad, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG,** Jumaat, 9 Januari. - Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-152 yang telah menamatkan latihan diperingatkan mengenai peri mustahaknya disiplin sebagai kualiti teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menentukan kemajuan, kepada mereka.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menekankan bahawa tanpa disiplin pembinaan diri tidak akan menjadi sempurna.

Semasa berucap pada Majlis Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-152 yang berlangsung di Padang Kawad, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison, di sini.

Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy menyeru semua rekrut supaya sentiasa memperlengkapkan diri dengan mengamalkan cara hidup yang penuh berdisiplin, taat setia kepada raja dan negara, beriman dan bertakwa supaya terhindar daripada segala perkara atau kegiatan yang boleh merosakkan dan merugikan diri sendiri, keluarga dan negara amnya.

Mereka juga disaran supaya sentiasa menjaga nama baik ABDB dan mengamalkan sikap dan keperibadian yang terpuji pada setiap masa dalam apa jua keadaan.

"Adalah juga penting dan mustahak bagi para semua rekrut untuk berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang berterusan seiring dengan perkembangan dan keadaan semasa dalam hal ehwal ketenteraan untuk memantapkan lagi tahap profesionalisme sebagai anggota tentera yang berwibawa, efisien, berpengetahuan dan berdisiplin dan seterusnya dalam sama-sama mendukung dalam mencapai kecemerlangan ABDB," tegasnya.

Terdahulu Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy juga menyentuh mengenai peranan dan penglibatan yang telah dibuktikan oleh ABDB, di samping peranan utamanya dalam menjaga keselamatan, pertahanan dan keamanan negara yang telah dicurahkan, khususnya dalam hal ehwal kemasyarakatan dan ke arah memeduli hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

"Itu terbukti dengan keupayaan dan kesediaan ABDB dalam memberikan khidmat-khidmat bantuan antaranya kerjasama yang padu bersama Jabatan-jabatan Daerah dalam membantu mangsa-mangsa banjir dan tanah susur dalam aspek bantuan anggota-anggota tentera dan juga keperluan logistik," tambahnya.

Sikap keprihatinan ABDB dalam bersama-sama memeduli hal ehwal kemasyarakatan, jelasnya, juga dapat dilihat melalui beberapa projek titian amal sebagai sebahagian daripada sumbangan perkhidmatan kepada masyarakat.

Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy percaya semua itu akan merapatkan lagi hubungan di antara ABDB dengan masyarakat mukim dan kampung.

Seramai 136 anggota Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-152 telah menamatkan latihan asas ketenteraan setelah menjalani latihan selama 25 minggu.

Juga hadir ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah, Komandan-komandan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai; anggota-anggota ABDB serta para ibu bapa dan sanak saudara rekrut yang telah menamatkan latihan.

Semasa upacara tersebut, tetamu kehormat selaku Pegawai Menerima Tabik Hormat berkesudian memeriksa perbarisan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada jurulatih dan rekrut-rekrut yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang latihan rekrut dijalankan.

Bagi pengambilan Rekrut Lelaki Ke-152 ini, penerima-penerima hadiah bagi Kategori Jurulatih Lelaki Terbaik ialah 15790 Koperal Aidey Earny bin Kasni; Rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan, 50898 Rekrut Rusydi bin Rosli; Penembak Repal M16 A2 Rekrut Terbaik, 50937 Rekrut Mohd. Norazmi bin Mohammad; Penembak Heavy Barrel Automatic Riffle (HBAR), 50977 Rekrut Mohd. Rafiulhazmi bin Hamdan; Latihan Jasmani Terbaik, 50987 Rekrut Mohd. Jazli bin Ahmad; dan Akademik Terbaik 50873 Rekrut (L) Mohd. Hafiz bin Bakri.



# Panglima Tentera Laut Singapura adakan kunjungan hormat

**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah ketika menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Laut Angkatan Laut Republik Singapura, Laksamana Lai Chung Han di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison (kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 8 Januari. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah pagi tadi menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Laut Angkatan Laut Republik Singapura, Laksamana Lai Chung Han di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, di sini.

Laksamana Lai Chung Han berada di negara ini bagi lawatan pengenalan selama dua hari bermula 7 hingga 8 Januari 2015.

Selepas kunjungan hormat tersebut, Laksamana Lai Chung Han telah membuat lawatan ke Muzium ABDB dan melihat lebih dekat lagi rekod-rekod dan sumber-sumber sejarah semua jenis peralatan ketenteraan dan segala bentuk aktiviti, pengenalan dan peristiwa-peritiwa bersejarah dalam penubuhan ABDB sebagai rujukan dan pengetahuan generasi masa kini dan akan datang.

Dari Kementerian Pertahanan, Laksamana Lai Chung Han kemudiannya melawat Ibu Pejabat Tentera Laut Diraja Brunei di Pangkalan Tentera Laut Muara dan membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Semasa di Pengkalan Tentera Laut Muara, Laksamana Lai Chung Han telah diberikan tabik hormat dan seterusnya memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota TLDB.

Laksamana Lai Chung Han juga dibawa naik ke atas kapal KDB Darulaman. Pada sebelah petang pula, Laksamana Lai Chung Han juga berpeluang untuk melawat Akademi Pertahanan ABDB di Kem Sungai Akar.

TLDB dan Angkatan Laut Republik Singapura (RSN) sering berinteraksi melalui pelbagai aktiviti seperti latihan, kursus, mesyuarat, seminar, persidangan dan pertukaran lawatan.

Penglibatan kedua-dua tentera laut dalam meningkatkan kerjasama dalam pelbagai peringkat dalam organisasi telah mengukuhkan hubungan profesional dan keakraban antara kakitangan kedua-dua tentera laut.

Dalam hubungan itu, lawatan Laksamana Lai Chung Han setentunya memberikan nilai sangat berharga kepada hubungan pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.



**PANGLIMA Tentera Laut Angkatan Laut Republik Singapura, Laksamana Lai Chung Han mengadakan lawatan ke Muzium ABDB.**

# Pos Lapangan Terbang Lama Berakas tutup sementara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos memaklumkan bahawa Pejabat Pos Lapangan Terbang Lama Berakas akan ditutup sementara mulai 8 Januari sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian di Lapangan Terbang Lama Berakas.

Sehubungan dengan ini, orang ramai bolehlah menghubungi Penolong Ketua Pos Agung, Dayang Hajah Siti Fadilah binti Haji Mohin melalui talian telefon 2381212 bagi segala urusan pengurusan serah terima surat.

# Kementerian Kesihatan - Fitness Zone tandatangani Program KCHS




MAJLIS Penandatanganan bagi pihak Kementerian Kesihatan diwakili oleh Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Ernina Nidszarinah binti Haji Abdul Rani.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Pengarah Pengurusan Fitness Zone, Goh Kiat Chun (Wu Chun) ketika merasmikan sebahagian daripada peralatan gimnasium yang baru.

**KIULAP**, Khamis, 8 Januari. - Kementerian Kesihatan dan Syarikat Fitness Zone terus mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua pihak melalui Memorandum Perjanjian bagi Program Klinik Cara Hidup Sihat (KCHS) dan Program Kegiatan Fizikal, Kementerian Kesihatan.

Program KCHS adalah sebuah program pengurusan berat badan yang berdasarkan perubahan tingkah laku dan amalan gaya hidup sihat melalui amalan pemakanan sihat, melakukan kegiatan fizikal secara aktif dan berfikiran positif.

Program ini bertujuan untuk membantu peserta mengurangkan berat badan mereka secara purata sebanyak 1 - 2 kilogram sebulan atau 5 - 10 peratus daripada berat badan asal dalam tempoh 12 minggu.

Kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Fitness Zone adalah berkesinambungan daripada hubungan yang telah terjalin selama lima tahun.

Sehubungan itu, majlis penandatanganan tersebut berlangsung di Fitness Zone Kiulap dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku tetamu kehormat majlis.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Ernina Nidszarinah binti Haji Abd. Rani dan disaksikan oleh Pemangku Pengarah Umum, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim.

Manakala Syarikat Fitness Zone pula ditandatangani oleh Pengarah Pengurusannya, Goh Kiat Chun (Wu Chun) dan disaksikan oleh Pengurus Am, Citadel Alfaro.

Melalui perjanjian ini, Kementerian Kesihatan berharap agar para peserta/ klien program KCHS dan juga warga Kementerian Kesihatan secara amnya akan dapat mengambil manfaat dari perkhidmatan gimnasium yang telah disediakan serta pelbagai jenis aktiviti dan senaman yang lain bagi mendukung amalan kehidupan yang lebih aktif.

Dalam temu bual bersama Datin Paduka sejurus selepas majlis penandatanganan, beliau menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan akan terus menekankan kepentingan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di negara ini dan melalui kerjasama dengan syarikat swasta seperti Fitness Zone ini, maka ia akan memantapkan lagi serta menyokong Program Cara Hidup Sihat dan Program Kegiatan Fizikal yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Fitness Zone pula berkata, program ini yang berjalan selama enam bulan akan mendedahkan para peserta tentang cara-cara hidup sihat dan bagaimana mereka dapat mengubah ke arah gaya hidup sihat, bukan sahaja dalam masa enam bulan tersebut malah diteruskan lagi sampai bila-bila.

"Melakukan kegiatan fizikal adalah penting namun mengawal pemakanan (*diet*) juga adalah tidak kurang pentingnya," jelas Wu Chun.

Beliau seterusnya berharap melalui program ini, para peserta juga akan dapat mempengaruhi keluarga serta rakan-rakan mereka dengan menekankan tentang pentingnya gaya hidup sihat di mana antara tujuannya juga adalah bagi mengurangkan kos penjagaan kesihatan di negara ini.

Setiap tahun, Kementerian Kesihatan mengambil sebanyak empat kohort yang disertai oleh kira-kira 60 peserta/ klien dalam setiap kohort yang mana mereka ini mempunyai akses kepada pelbagai kemudahan yang disediakan dalam pakej yang disediakan oleh Fitness Zone.

Sejak termeterainya perjanjian pertama lima tahun lalu dan sehingga kini, lebih 1,000 peserta telah pun menyertai Program KCHS tersebut.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila menyaksikan demonstrasi peralatan yang terdapat di Fitness Zone.

# Kenal pasti permasalahan penduduk kampung



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah ketika hadir di Sesi Muzakarah bersama ahli-ahli MPK Lepong Baru dan penduduk kampung sekitarnya (kiri).

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong**

**TEMBURONG**, Khamis, 8 Januari. - Dalam sama-sama mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi oleh para penduduk kampung, satu sesi permuzakarahan telah diadakan antara Pegawai Daerah Temburong bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lepong Baru dan penduduk kampung sekitarnya.

Permuzakarahan di antara Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah bersama ahli-ahli MPK Lepong Baru dan penduduk kampung sekitarnya itu berlangsung di Rumah Panjang Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok, di sini.

Sesi permuzakarahan juga dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ajmin bin Haji Meludin; Penghulu Mukim Bokok, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Ketua Kampung Lepung Baru, Awang Ambol anak Bakit dan ahli-ahli MPK dan penduduk Lepong dan sekitarnya.

Selain dapat mengenal pasti isu dan permasalahan yang ditimbulkan semasa perbincangan tersebut, sesi muzakarah seumpamanya juga memberi peluang sesama mereka untuk saling bersua muka dan beramah mesra serta mengukuhkan silaturahim.

Muzakarah merupakan salah satu rancangan kerja Pegawai Daerah Temburong pada tahun ini yang mana penjadualannya telah dimulai di Mukim Bokok dan akan dilaratkan ke mukim-mukim lain di daerah ini sepanjang tahun 2015 ini.



AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lepong Baru dan penduduk kampung sekitarnya di Rumah Panjang Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok ketika hadir di Majlis Muzakarah bersama Pegawai Daerah Temburong (Kanan).

# 159 pelajar ikuti pengajian Tahun 7 SMSH

**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**TEMBURONG**, Khamis, 8 Januari. - Seramai 159 penuntut yang telah menamatkan pembelajaran mereka pada peringkat sekolah rendah di daerah ini setelah lulus Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun lepas kini memulakan sesi persekolahan peringkat menengah di Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar (SMSH), di sini.

Sesi persekolahan mereka bermula dengan Majlis Pendaftaran Penuntut Tahun 7 SMSH, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Pengetua SMSH, Awang Yusuf bin Haji Mohmad dalam ucapannya berkata, Kementerian Pendidikan memandang serius akan pencapaian para penuntut di peringkat rendah terutama yang melibatkan literasi dan numerasi.

Kelemahan dalam kedua-dua aspek tersebut di peringkat sekolah rendah, ujarnya, akan membawa kesan kepada pembelajaran di sekolah peringkat menengah.

Beliau juga menegaskan bahawa pendidikan di sekolah menengah adalah penting bagi para penuntut untuk mengingat kembali asas-asas yang telah diajar oleh guru-guru peringkat sekolah rendah kerana asas-asas tersebut akan digunakan dan seterusnya ditingkatkan lagi ke tahap akademi bertaraf sekolah menengah.

Majlis diteruskan dengan lafaz Ikrar Penuntut, diketuai oleh penuntut Tahun 10 'A' SMSH, Awang Daniel Radi bin Kennedy disusuli dengan sesi pendaftaran.

SMSH satu-satunya sekolah menengah di daerah ini dengan visi 'Generasi Berpendidikan Menjana Kehidupan Sejahtera dan Berkerjaya' dan mempunyai moto 'Berjati Diri dan Berwawasan'.



**SUASANA semasa sesi Pendaftaran Penuntut-Penuntut Tahun 7 (2015) Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.**

# Tinjau pelaksanaan Kem Latihan PKBN



**PENGARAH Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail menyampaikan taklimat kepada rombongan pelawat.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 8 Januari. - Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) hari ini menerima serombongan pelawat terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Modul Melayu Islam Beraja (MIB), perwakilan dari Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri; Syarikat Minyak Brunei Shell; Megamas; tenaga pengajar MIB dan Pengetahuan Ugama Islam daripada maktab-maktab teknik dan vokasional di negara ini.

Rombongan seramai 20 orang itu diketuai oleh Penolong Pengarah Pendidikan Teknik Brunei, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Semasa berada di Kem Latihan PKBN di Perkampungan Sukan Berakas di sini, rombongan mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pengarah PKBN, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail.

Lawatan diakhiri dengan tinjauan ke beberapa kemudahan fasiliti kem dan juga kelas-kelas pelatih Platun 5, 6, 7 dan 8 yang menjalani Latihan Asas Pertolongan Cemas.

Pada masa ini, para pelatih pengambilan keempat sedang menjalani latihan selama empat minggu di kem berkenaan yang akan berakhir pada 16 Mac 2015 depan.

Lawatan antaranya bertujuan untuk memahami lebih dekat PKBN yang merupakan program kebangsaan yang terulung pada masa ini, selain mengetahui inti pati objektif pelaksanaannya yang menjurus kepada pengukuhan kefahaman yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara MIB ke arah mewujudkan belia Brunei yang cemerlang selaras dengan Dasar Belia Negara (DBN).



**ROMBONGAN pelawat ke Kem Latihan PKBN diketuai oleh Penolong Pengarah Pendidikan Teknik Brunei, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.**

# Dua anggota polis dijatuhi hukuman 16 bulan penjara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 7 Januari.- Dua orang bekas anggota polis dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan setelah didapati bersalah di atas satu pertuduhan di bawah Bab 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Majistret Kanan, Pengiran Masni binti Pengiran Bahar menjatuhkan hukuman 16 bulan penjara bagi PC 4483 Amirul Izzat bin Haji Yahya dan PC 3813 Mat Zidi bin Haji Jumat yang berkuat kuasa pada hari pertama kedua-duanya ditahan reman pada 22 Disember 2014.

Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abd Ghani memaklumkan kepada Mahkamah bahawa hasil siasatan Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati pada 22 Julai 2009 di kawasan Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, kedua-dua tertuduh secara tidak jujur menerima wang sebanyak BND40 (Empat Puluh Ringgit Brunei) sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap seorang lelaki warga tempatan, yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Lalulintas (Penggal 68).

Sementara itu, seorang tempatan, Maimun binti Haji Omar telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan, di atas enam pertuduhan di bawah Bab 109 dan Bab 471 dibaca dengan Bab 465 Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Timbalan Pendakwa Raya, Emily Goh memaklumkan Ketua Majistret, Muhammad Faisal bin Pehin Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli bahawa hasil siasatan BMR mendapati bahawa di antara 28 Ogos dan 30 September 2009, tertuduh telah bersubahat dengan empat orang tempatan sebanyak enam kali, dengan menyediakan slip gaji kerajaan yang palsu bagi melayakkan mereka mendapatkan pinjaman kewangan bagi pembelian kereta di Hongkong dan Shanghai Banking Corporation (HSBC) Finance.

Hukuman di bawah Bab 471 dibaca dengan Bab 465 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) ialah penjara yang boleh dilanjutkan sehingga lima tahun dan denda.

Semasa dihadapkan ke Mahkamah, tiada pengakuan diambil daripada tertuduh dan Mahkamah telah memerintah supaya tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin berjumlah $5,000 (Lima Ribu Ringgit Brunei) atau 1 (seorang) penjamin tempatan. Kes ini akan disebut semula pada 11 Februari 2015, jam 9.30 pagi.

# PDB jalankan serbuan kes judi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Jabatan Siasatan Jenayah, PDB telah menjalankan serbuan ke atas sebuah rumah di kawasan Jalan Mulaut yang dipercayai menjalankan judi jenis Katam-Katam hasil daripada maklumat orang ramai.

Kegiatan judi berkenaan terselindung dari pandangan orang ramai dan dijalankan di belakang sebuah rumah yang jarang didiami.

Hasil dari serbuan tersebut, dua warga tempatan dan 12 warga asing telah ditahan untuk siasatan lanjut dan barangan yang dipercayai digunakan dalam menjalankan perjudian tersebut turut dirampas.

Menurut Siaran Akhbar berkenaan, jika didapati bersalah, pesalah boleh didakwa di bawah Seksyen 6 (1), Penggal 28, Akta Rumah Judi Terbuka. Kes ini masih dalam siasatan polis.

PDB menasihatkan orang ramai supaya tidak akan terlibat di dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang ini dan memohon jika mendapati sebarang aktiviti yang mencurigakan hendaklah berhubung terus ke talian kecemasan atau memaklumkan kepada balai-balai Polis yang berdekatan.

# 14 lelaki dan seorang wanita ditahan

**TUTONG**, Selasa, 6 Januari. - Serbuan ke atas sebuah kedai di alamat Bangunan Hajah Rapiah, Kampung Petani Tutong telah berjaya menahan seramai 14 orang lelaki dan seorang wanita serta 13 unit komputer dipercayai untuk kegiatan judi di bawah akta Seksyen 6(1) Akta Common Gaming Act Penggal 28.

Penggeledahan telah dibuat dan diketuai oleh Pegawai Penyelia Detektif, Daerah Polis Tutong, Inspektor Mohd. Syahrul Iman bin Pehin Dato Haji Abdur Rahmani, bersama ahli CID Tutong atas maklumat orang ramai berhubung permainan judi menggunakan komputer (Online Gaming) berkenaan.

# Songkok tempatan Noraini popular

Rencana dan Foto oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman



DAYANG Noraini binti Haji Japar@Noniee, 38 tahun merupakan pengusaha pembuatan songkok.

**SONGKOK**, tanjak dan serban merupakan busana yang dipakai di kepala. Pemakaiannya sering dikaitkan dengan upacara keagamaan, kepahlawanan dan adat istiadat. Dipercayai bahawa songkok, tanjak dan serban dipengaruhi pedagang India yang datang ke Tanah Melayu untuk berniaga.

Songkok lazimnya dipakai oleh masyarakat Melayu Islam ketika pergi menunaikan solat ataupun menghadiri upacara rasmi. Songkok amat popular ketika Hari Raya Aidilfitri, bahkan pada hari-hari biasa juga songkok sering dipakai oleh sesetengah orang terutama sekali sekolah-sekolah ugama. Songkok juga turut digunakan bagi majlis akad nikah di negara ini.

Reka bentuk songkok hampir sama dengan fez atau tarbus yang amat popular di Turki. Tarbus sebenarnya berasal dari Greek Purba dan diterima pakai oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah. Pada asalnya, serban panjang akan dililit pada bahagian tepi tarbus, tetapi lama-kelamaan tidak lagi diguna pakai. Tarbus berbentuk bulat, tetapi kini sedikit panjang dan keras. Di Turki, tarbus berwarna merah.

Dikatakan tarbus menjadi pendahulu kepada songkok yang popular di kepulauan Melayu. Cuma tarbus diubah suai menjadi sedikit bujur dan permukaan bahagian atasnya menjadi rata. Reka bentuk ini menjadi ikutan pada zaman ini, cuma ada penambahbaikan dari segi jahitannya.

Songkok diperbuat daripada kertas, kain baldu dan satin. Pada mulanya, sekeping kertas disusun di antara lapisan satin agar songkok tersebut menjadi kukuh. Kini, penggunaan kadbod menggantikan penggunaan kertas tersebut. Songkok dijahit rapi mengikut bentuk, ketinggian dan saiz kepala yang sesuai, barulah kain baldu dijahit. Kini, zaman semakin berubah, songkok semakin bertambah variasinya mengikut peredaran fesyen. Lazimnya, songkok berwarna hitam, tetapi kini boleh ditemui dengan pelbagai warna.

Bicara mengenai dengan songkok ini juga di negara kita ia memang sudah menjadi satu adat untuk mengenakan songkok bila menghadiri satu-satu majlis dan kerana kepopularitian songkok ini juga membuka hati seorang usahawan tempatan kecil-kecilan iaitu Dayang Noraini binti Haji Japar@Noniee, 38 tahun untuk melibatkan diri di dalam perniagaan pembuatan songkok di negara ini.

**PENGLIBATAN**

Dayang Noraini yang bekerja sambilan sebagai guru mengajar membuat songkok di Pendidikan Lanjutan, Jalan Pasar Baru Gadong mula melibatkan diri dalam pembuatan songkok ini bermula selepas menamatkan kursus di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei pada tahun 2000 dan dari situlah azam beliau untuk berniaga secara kecil-kecilan dalam pembuatan songkok hingga sekarang.



SONGKOK yang bertulis kalimah di atasnya dengan pelbagai bentuk tulisan juga sering ditempah pelanggan.

Menurutnya pula, beliau mula melibatkan diri dalam bidang perniagaan songkok ini di atas minatnya sendiri dan juga dorongan kedua ibu bapa beliau dan seterusnya mula menjalankan perniagaan songkok ini secara kecil-kecilan dan secara *online* sahaja selain mempromosikannya ke kedai-kedai dan syarikat-syarikat yang mana memberi kepercayaan penuh kepadanya.

"Dari situlah pelanggan-pelanggan saya tahu tentang pembuatan songkok yang saya jalankan dan pada masa itu juga pelanggan-pelanggan saya berminat untuk menempah dan membeli songkok tempatan saya. Saya juga menyewa gerai Ramadan setiap tahun apabila menjelang bulan Ramadan, yang mana juga saya dijemput untuk membuat pameran ekspo di Brunei Darussalam," terangnya.

**MEMULAKAN PERNIAGAAN**

Mula melibatkan diri di dunia perniagaan ini pada tahun 2000 hinggalah ke hari ini, lebih kurang 14 tahun. Pada mulanya modal yang beliau peruntukan tidaklah sebesar mana hanyalah secara kecil-kecilan sahaja. Bahan-bahan yang diperolehi pula ada yang di dalam negeri dan juga luar negara kecuali jika barang tersebut kehabisan di Brunei maka beliau akan cuba sedaya upaya untuk mendapatkan di negara jiran itu pun jika keadaan memaksa untuknya mendapatkan dalam masa yang singkat.

**KENANGAN MANIS DAN PAHIT**

Selama melibatkan diri dalam bidang pembuatan songkok beliau juga turut mengalami peristiwa pahit dan manis yang mana beliau pernah mengalami peristiwa apabila kem tempat beliau berniaga di Gerai Pasar Malam ditiup angin kencang dan hujan yang lebat sehingga menyebabkan songkok yang dijual rosak dan tidak dapat diperbaiki lagi.

"Saya hanya mampu bersabar dan reda bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan akhirnya Allah memberikan saya jalan untuk melanjutkan perniagaan saya," jelasnya.

**PEROLEHI ILMU PEMBUATAN SONGKOK**

Menurut Dayang Noraini seterusnya beliau mula belajar membuat songkok tempatan ini dari seorang guru, di mana guru itulah yang memberi tunjuk ajar kepadanya cara membuat songkok tersebut, iaitu pada tahun 1997-1999 semasa beliau masih berkursus dalam pembuatan anyaman songkok.

Jelas Dayang Noraini dalam pembuatan songkok ia mempunyai gred-gred tertentu dan masa untuk menyiapkan sebiji songkok itu pula adalah ikut kepekaan dan kecekapan seseorang itu membuat sebiji songkok, di mana ia mengambil masa lebih kurang 3-4 jam.

**MINAT**

"Saya berminat dalam bidang perniagaan songkok ini juga disebabkan minat saya yang begitu mendalam kerana ia ada begitu unik, tambahan pula kebanyakan songkok di Brunei ini didatangkan dari negara luar sahaja, dan kerana itu jugalah saya berusaha untuk memajukan songkok tempatan kitani sendiri walaupun dengan secara kecil-kecilan," ungkapnya.

Antara songkok-songkok yang dihasilkan oleh Dayang Noraini, i)songkok gunung, ii)songkok rata, iii)songkok berlipat.

Kebanyakan bahan-bahan yang gunakan untuk pembuatan songkok ini jelas Dayang Noraini ialah daripada kertas manilakad, kain tekron dan *cotton color* terpulang juga kain apa yang diinginkan dari pelanggan saya tempah sama ada menggunakan kain beludu biasa (*hymilon*), kain songket dan kain beludu rayon (*tebal*). Tambahnya lagi, kebanyakan songkok yang digemari oleh pelanggan ialah songkok bergunung sahaja. Manakala harga bagi satu biji songkok adalah berbeza-beza, iaitu mengikut dari segi saiz dan kualiti kain tersebut.

Harga kain di pasaran katanya kadang-kadang tidak menentu, jikalau kain songket harga 1 biji songkok $35-$38 dan jika pelanggan tersebut menempah untuk membuat lagi yang baharu harganya berbeza daripada yang sudah siap sedia.

Bagi songkok yang ada di atas bertulis corak kalimah harga 1 biji $45 bagi kanak-kanak, bagi songkok orang dewasa harga 1 biji $50-$60 tertakluk corak kalimah yang pelanggan mahukan dan bagi songkok kanak-kanak beludu biasa (*hymilon*) harga 1 biji adalah $25-$28, manakala bagi songkok dewasa beludu biasa (*hymilon*) harga 1 biji $30.

Bagi songkok jenis beludu tebal (rayon) bagi kanak-kanak harga 1 biji $30-$35 ikut kualiti beludu tersebut dan bagi orang dewasa harga 1 biji beludu rayon (tebal) $35-$38 ikut saiz tersebut, sementara bagi songkok kain tenunan Brunei harga 1 biji songkok tersebut ia mengikut corak bunga tersebut, kalau bunga berpekan (*simple*) $80 1 biji, jikalau corak bunganya banyak *design* ia berharga $120 1biji.

**SAMBUTAN**

"Sambutan daripada pelanggan saya Alhamdulillah, sangat-sangat menggalakkan dan di antara jenis songkok yang menjadi sambutan ialah songkok bentuk bergunung dan songkok kain songket dan setiap songkok yang saya hasilkan adalah merupakan hasil daripada ilham saya sendiri bukan melalui majalah-majalah ataupun pelanggan-pelanggan saya," ujarnya.

**PERANCANGAN MASA DEPAN**

Menyentuh tentang perancangan-nya pula tambah beliau di mana beliau merancang untuk membuka sebuah kedai yang kecil sahaja dahulu daripada modal yang beliau peruntukan dan dari situlah beliau akan mula mempromosikan songkok buatan Brunei melalui media cetak (yang akan ditampalkan di kedai-kedai ataupun di mana sahaja yang bersesuaian) dan seterusnya berazam untuk memperluaskan lagi perniagaan ini ke laman sosial seperti Facebook, Twitter dan sebagainya.



SONGKOK yang dihasilkan oleh Dayang Noraini.




# برهاتي٢ دڠن أنچامن جنايه

ماريله كيت منيڠكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دڠن ملاكوكن سكل سوروهنڽ دان منيڠڬلكن سكل لاراڠنڽ. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برتقوى دان برإيمان سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران كيت دنڬارا اين هيدوڤ دالم كأمانن سلامة، أمان، دامي دان تنترام. كهيدوڤن يڠ سلامة يڠ ڤنوه كادأن دامي دان تنترام اين مروڤاكن رحمة درڤد الله سبحانه وتعالى كڤد همباڽ. كسلامتن دان كأمانن اداله أساس دالم ممبينا مشاركة دان نڬارا يڠ إيڠينكن كماجوان، كران تنڤا أداڽ كسلامتن، كأمانن دان كتنترامن، كماجوان تيدق اكن داڤة دچاڤاي. أوله سبب ايت، ستيڤ نڬارا ممڤوڽاءي أونداڠ٢ يڠ مستي دڤاتوهي سباڬي ساله ساتو چارا باڬي مڠكلكن كسلامتن دان كأمانن ايت، اين ترماسوقله جوڬ أونداڠ٢ يڠ بركاءيتن دڠن جنايه يڠ جك تيدق دبندوڠ سوده ستنتوڽ بوله مڠڬوكت كسلامتن سسبواه نڬارا. منجاڬ كسلامتن ايت اداله ساتو تڠڬوڠجواب دان جك دلاكوكن كران الله سبحانه وتعالى، مك اكن دبالس اوله الله سبحانه وتعالى دڠن كنجارن ڤهلا. أنتوق ايت، مڠوجودكن ڤاسوكن كسلامتن يڠ ترلاتيه دان برويباوا باڬي منجاڬ كسلامتن دان كأمانن سسوات نڬارا ايت اداله ڤركارا يڠ ڤنتيڠ باڬي سسبواه نڬارا. اين جلس سباڬيمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأنفال أية ٦٠:

تفسيرڽ:

دان سدياكنله انتوق منتڠ مريك ( موسه ) يڠ منجروبوه دڠن اڤ جوا كڤقواتن يڠ كامو ترمڤو دان درڤد كودا٢ يڠ دسدياكن انتوق برڤرڠ، سڤاي كامو داڤة مڠڬروننكن موسه الله دان موسه كامو سرت اورڠ٢ لاين سلاين درڤد مريك ايت يڠ كامو تيدق مڠتهوين سدڠكن الله مڠتهوي مريك. دان اڤ جوا يڠ كامو بلنجاكن ڤد جالن الله، اكن دسمڤرناكن كنجارن ڤهلاڽ كڤد كامو دان كامو ڤول تيدق دأنياي ( تيدق دكورڠكن ڤهلا ).

سميمڠڽ ڤاسوكن كسلامتن تله وجود سجق زمان خلفاء الراشدين لاڬي. سيدنا عمر ابن الخطاب أومڤامڽ تله ممبوات ڤبوسونن ڤنتدبيران باڬي ممستيكن كليچينن جنترا ڤمرينتاهنڽ دان أنتارا ڤركارا يڠ دلاكوكنڽ إياله مڠوجودكن سبواه ڤاسوكن كسلامتن باڬي منجاڬ كأمانن اورڠ عوام. سيدنا عمر ابن الخطاب سنديري تله توروت سرت منجالنكن توڬس ترسبوت اڤبيل بلياو سنديري منجالنكن روندأن ڤد وقت مالم أنتوق مليهت كادأن رعيتڽ دان منجاڬ كسلامتن سرت كبجيقن مريك.

ڤد زمان كراجأن أُمَيَّه دان كراجأن عَبَّاسِيَّه ڤول، تله وجود جواتن كتوا ڤوليس يايت صَاحِبُ الشُّرْطَة. دأندالوسيا ( Andalusia ) ڤول دكلر صَاحِبُ الْمَدِيْنَة دڠن ڤاسوكن ڤوليسڽ شُرطَةُ الْكُبْرَى دان شُرْطَةُ الصُّغْرَى.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

توڬس منجاڬ كسلامتن اداله توڬس كيت برسام، أوله ايت ماريله كيت سام٢ بركنديڠ باهو دالم منجاڬ كأمانن دان منچڬه جنايه دري برلاكو دڠن بكرجسام دڠن ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني سباڬي توڠڬق أوتام مڠواتكواسكن أونداڠ٢ دان مڠكلكن كسلامتن نڬارا. ڤرانن اورڠرامي اداله ڤرلو باڬي ملاڤوركن سبارڠ كجادين جنايه يڠ برلاكو دسكيتر مريك. كيت هندقله سنتياس برهاتي٢ دان بروسڤادا سرت إيڠة مڠإيڠاتي سسام كيت أڬر تيدق منجادي مڠسا ڤنجنايه. جنايه بوله ساج برلاكو دالم حال٢ ترتنتو أنتاراڽ دسببكن كلالاين، كجواين دان سباڬيڽ، نامون جك اورڠ رامي بكرجسام دالم منچڬه جنايه، مك جنايه اكن بوله دكورڠكن. اڤ يڠ ڤنتيڠ كيت ترڤكن بوداي بكرجسام دالم منچڬه كجادين جنايه سرت تيدق جامه مات. اين برتڤتن دڠن ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النساء أية ٨٥:

تفسيرڽ:

سسياڤ يڠ ممبريكن ڤرتولوڠن يڠ بايك، نسچاي دي اكن ممڤرأوليه بهاڬين ( ڤهلا ) درڤداڽ، دان سسياڤ يڠ ممبريكن ڤرتولوڠن يڠ بوروق، نسچاي دي اكن منداڤة بهاڬين ( دوسا ) درڤداڽ. دان الله اداله مها كواس أتس تيڤ٢ سسوات.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني سكارڠ سوده برأوسيا همڤير ساتو قرون لامڽ، سوده ستنتوڽ ممڤوڽاءي بايق ڤڠالمن دان تله مڠالمي بايق ڤروباهن دالم مڠهادڤي ڤلباڬي چبارن. ڤد زمان دنيا تنڤا سمڤادن اين، نڬارا كيت تيدق كتيڠڬلن دالم مڠالمي أروس كومونيكاسي يڠ چڠڬيه. دالم أروس كومونيكاسي يڠ چڠڬيه اينله ڤبلوران معلومات بڬيتو ڤنتس دتريما. سميمڠڽ تكنولوجي اداله ممودهكن كيت انتوق برهوبوڠ دان منداڤة معلومات دڠن چڤة دان موده. والو باڬيمانڤون ڤرلو دإيڠة تكنولوجي ترسبوت جوڬ بوله منداتڠكن كسن يڠ تيدق بايك جك دسالهڬوناكن سڤرت مڽيبركن معلومات يڠ تيدق تڤت، مڽيبركن ڤتنه، مڠعئبكن اورڠ لاين دان سباڬيڽ.

دالم حال اين، ڤاسوكن ڤوليس تله مڠمبيل لڠكه٢ باڬي ممستيكن ترين كومونيكاسي ايت تيدق اكن منجحسكن كتنترامن عوام دان دمي ممستيكن حق٢ إينديبيدو ترجامين. اڤ يڠ ممبيمبڠكن كبلاكڠن اين اد دأنتارا كيت يڠ منجادي مڠسا ڤيبران بريتا ڤلسو دڠن توجوان مڠعئبكن سسئورڠ ايت. ددالم حال اين ڤرأونتوقن أونداڠ٢ دباوه سيكشين 499 قانون كسيقسأن، اد مڽاتاكن:

" برڠسياڤ دڠن ڤركتأن سمأد دتوتوركن اتو دمقصودكن انتوق دباچ اتو دڠن إشارة اتو دڠن ڤرلمباڠن يڠ ظاهير، ممبوات اتو مڽياركن اڤ٢ توهماهن ( tuhmahan ) مڠناءي مان٢ اورڠ، دڠن مقصود هندق مروسقكن اتو دڠن مڠتهوي اتو دڠن ممڤوڽاءي سبب انتوق ممڤرچياءي بهوا توهماهن ( tuhmahan ) ايت اكن مروسقكن مروءه اورڠ ايت دكاتكن، ممڤتنه اورڠ ايت ..."

ڤد ماس يڠ سام ڤاسوكن ڤوليس برسام دڠن أجينسي٢ كراجأن يڠ لاين برسديا دان مڠاتور ستراتيجي٢ دالم ڤڽياستن جنايه سڤرت منوبهكن IT forensic دالم مڠسن جنايه سڤرت اين، دڠن هارڤن سڤاي سي ڤلاكو جنايه ايت تيدق اكن سوينڠ٢ڽ منداتڠكن كبوروقن كڤد اورڠ لاين.

أخير٢ اين كيس تيڤو مڠڬوناكن إينترنيت جوڬ سريڠ برلاكو. أوله ايت كيت هندقله مڠمبيل لڠكه برهاتي٢ دري أنچامن جنايه ترين بارو اين سڤرت مڠاول داتا٢ ڤريبادي دلامن٢ درڤد دچروبوهي، دان يڠ ڤنتيڠ جاڠن موده ترڤداي دڠن تيڤو حيله دري ڤيهق يڠ سنتياس مڠمبيل كسمڤاتن دأتس كلالاين اورڠ لاين. اڤ يڠ ڤنتيڠ جوڬ إيبوباڤ مستيله مڠاوس أنق٢ مريك كران مڠسا جنايه cyber ڤد ماس اين كباڽقكنڽ مليبتكن أنق٢ رماج.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

دالم منجاڬ كامانن دان كسلامتن سسبواه تمڤة سڤرت كمڤوڠ دان مقيم، ڤڠواسن كجيرانن كمڤوڠ جوڬ برڤرانن ڤنتيڠ دالم ممبسمي سبارڠ جنايه سرت بركنديڠ باهو دڠن ڤاسوكن ڤوليس. ڤڠواسن كجيرانن كمڤوڠ بوله ممبنتو ڤيهق ڤوليس جك منداڤتي كيس جنايه سڤرت چوري اتو ڤچه روماه دڠن ملاڤوركن كجادين ترسبوت كڤد ڤيهق ڤوليس اتو ممباوا ڤنجنايه ترسبوت كبالي٢ ڤوليس، دسمڤيڠ منجادي مات تليڠا ڤاسوكن ڤوليس انتوق ملاڤوركن سبارڠ ككڬياتن أنتي سوشيال دان اڤ ته لاڬي ككڬياتن يڠ بوله مڠنچم كسلامتن نڬارا.

ماريله كيت سام٢ برأوسها دالم ممستيكن أونداڠ٢ دنڬارا اين دڤاتوهي دان دلقسناكن سرت بكرجسام دالم ممستيكن كسلامتن تروس داڤة دنعمتي دنڬارا اين. ماريله كيت بركنديڠ باهو برسام دڠن ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني دالم ممبسمي جنايه دمي أڬام دان دمي كسجهترأن سرت كأمانن نڬارا يڠ كيت چينتاءي. مدهمداهن نڬارا كيت سنتياس درحمتي دان دليندوڠي دري ڤركارا٢ يڠ تيدق دإيڠيني. آمين يا رب العالمين.

تفسيرڽ:

...دان تولوڠ منولوڠله كامو دالم كبجيقن دان كتقوأن دان جاڠنله تولوڠ منولوڠ دالم دوسا دان ڤرموسوهن ( ملڠڬر حكوم٢ الله سبحانه وتعالى ). دان برتقواله كڤد الله. سسڠڬوهڽ الله ساڠة برت سيقساڽ.

# Sekolah Arab Belait terima pendaftaran pelajar baru



PEMANGKU Guru Besar, Awang Haji Hainney bin Haji Hamidon menyampaikan ucapan alu-aluan pada hari pertama Minggu Ta'aruf.

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 10 Januari. - Sekolah Arab Belait telah menerima pendaftaran dan kemasukan pelajar baru Tahun 5, pengambilan ke-10 seramai 45 pelajar terdiri daripada 28 lelaki dan 17 perempuan.

Majoriti pelajar-pelajar tersebut adalah bekas pelajar sekolah-sekolah ugama kawasan Belait dan segelintirnya pula dari Sekolah Ugama Labi dan Liang / Lumut.

Para pelajar berkenaan akan di tempat dan dibahagikan dalam dua kelas, di mana mereka akan mengikuti sesi pembelajaran yang bermula dari jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Sempena pendaftaran itu, pelajar-pelajar akan mengikuti Minggu Ta'aruf selama dua hari yang memuatkan pelbagai aktiviti bagi mereka.

Pemangku Guru Besar, Awang Haji Hainney bin Haji Hamidon berkata, salah satu kaedah supaya khusyuk dalam solat hendaklah mengetahui makna bacaan-bacaan solat yang menggunakan bahasa Arab, begitu juga Al-Qur'an yang diturunkan dalam bahasa Arab, hendaklah dihayati dan difahami makna ayat yang dibaca.

Penolong Guru Besar, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Mohd. Ali dan Guru Kanan Pentadbiran, Awang Haji Mohd. Roselyzan bin Haji Sipin pula menyampaikan taklimat pentadbiran mengenai peraturan sekolah yang perlu ibu bapa ketahui, manakala Guru Kanan Akademik I, Dayang Norahati binti Haji Tongkat menyampaikan taklimat ringkas Minggu Ta'aruf.

Minggu Ta'aruf juga meliputi aktiviti-aktiviti *ice breaking*, pengenalan etos sekolah dan latihan bacaan Asmaul Husna serta doa-doa (Kelab Amali).

Manakala aktiviti pada hari kedua pula dimuatkan dengan program keugamaan senegara, sukan dan senamrobik, makmal ICT dan perpustakaan, pertandingan membaca Jawi, bahasa Inggeris dan Melayu, pertandingan azan bagi pelajar lelaki dan pertandingan hafazan ayat-ayat lazim dan 10 ayat pertama Surah Yaa Siin, pembahagian buku teks dan jadual belajar, pengenalan asas bahasa Arab serta penuntup Minggu Ta'aruf 2015.

Aktiviti-aktiviti sepanjang Minggu Ta'aruf akan mendedahkan para penuntut atau pelajar tentang budaya sebenar yang bakal mereka perolehi di sekolah memandangkan sekolah tersebut adalah satu-satu sekolah Arab yang ada di kawasan Daerah Belait.

Di samping belajar, pelajar-pelajar juga digalakkan menyertai kelab-kelab yang ditubuhkan seperti Kelab Amali, Kelab Dikir, Kelab Tauyseh dan Kelab Nasyid bagi memberi pendedahan dalam kegiatan kokurikulum.

Sekolah berkenaan menawarkan 15 subjek termasuk mata pelajaran teras seperti Al-Qur'an dan Bahasa Arab serta mata pelajaran umum seperti Amali Ugama, Social Study, Pendidikan Jasmani, Aktiviti Ko-Kurikulum dan Design and Science Technology.

Pada ketika ini, pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah tersebut berjumlah 179 orang, iaitu dari Tahun 5 hingga Tahun 8, manakala tenaga pengajar seramai 23 orang. Pelajar-pelajar lelaki yang lulus Tahun 8 akan melanjutkan pelajaran Tahun 9 di Ma'had Islam Brunei, Tutong, manakala pelajar-pelajar perempuan pula akan meneruskan pembelajaran mereka di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD), Bandar Seri Begawan.

Pencapaian peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) sekolah berkenaan bermula dari Tahun 2006 hingga Tahun 2014, mencatatkan 100 peratus lulus. Tahun 2006, seramai 41 calon menduduki peperiksaan, di mana sembilan orang daripadanya memperolehi keputusan 5A, manakala pada tahun lepas, 47 calon menduduki peperiksaan berkenaan dan 14 daripada mereka berjaya memperolehi 5A.



IBU bapa mendaftarkan anak mereka masuk ke Sekolah Arab Belait.

# 99 pelajar meneruskan ke Ma'had Islam Brunei



PEMANGKU Pengetua Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin ketika menyampaikan taklimat mengenai pengenalan dan peraturan-peraturan sekolah.

**Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin**

**TUTONG**, Sabtu, 10 Januari. - Seramai 99 pelajar lelaki dan perempuan berjaya meneruskan sesi pembelajaran mereka di Ma'had Islam Brunei pada Majlis Pendaftaran Penuntut-Penuntut Sanah 5 Ma'had Islam Brunei Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi diadakan di Dewan Ma'had Islam Brunei, Tutong, di sini.

Pendaftaran kemasukan penuntut-penuntut baru Tahun 5 di persekolahan Arab sesi pengajian 2015 telah diadakan serentak di lima buah sekolah Arab di keempat-empat daerah.

Semasa ditemu bual PELITA BRUNEI, Pemangku Pengetua Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin menjelaskan bahawa penuntut yang mendaftar pada hari ini adalah terdiri daripada seramai 47 penuntut lelaki dan 52 penuntut perempuan.

"Tahun ini genaplah umur Ma'had Islam Brunei 25 tahun iaitu menjang-kau Jubli Perak, di mana penubuhan Ma'had Islam Brunei dari tahun 1990 sehingga 2014, dan pada tahun ini bermulalah satu lembaran sejarah iaitu dengan kemasukan penuntut perempuan dari Tahun 5, di mana pada hari Selasa lalu, 6 Januari 2014, seramai 33 penuntut perempuan dari Daerah Tutong telah mendaftar di Ma'had Islam Brunei," ujar beliau.

Pada kali ini terangnya, daripada 99 penuntut, hampir 100 peratus penuntut ini adalah terdiri daripada penuntut dari Daerah Tutong, hanya dua peratus sahaja penuntut yang terdiri daripada penuntut dari Bandar Seri Begawan, Brunei-Muara dan Belait.

Ma'had Islam Brunei mempunyai dua sesi pembelajaran iaitu sesi pagi hingga petang bermula 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, manakala sesi petang pada pukul 2 hingga 3.30 petang.

Pemangku Pengetua Ma'had Islam Brunei turut menjelaskan bahawa kelas-kelas penuntut perempuan di sini dipecahkan khusus untuk perempuan sahaja, dan kelas lelaki dikhususkan untuk lelaki.

Penuntut juga tidak ditawarkan untuk tinggal di asrama, hanya sebahagian sahaja yang akan mendapat kemudahan atau pertimbangan khas iaitu kemudahan untuk balik mengikut kenderaan yang disediakan.

Beliau berharap penuntut akan dapat menyesuaikan diri mempelajari atau belajar bersama-sama agar dapat memahami lebih lanjut dan betul-betul mahir dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

